

20 NOV 1996

Apec-kapsul

DR MAHATHIR LAKAR ISI FIKIRAN DALAM KAPSUL MASA

MANILA, 20 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan berpeluang untuk melakarkan isi fikirannya mengenai pencapaian Malaysia pada tahun 2010 untuk dimasukkan ke dalam sebuah kapsul masa apabila beliau menghadiri sidang kemuncak Apec di Subic Isnin ini.

Beliau bersama-sama 17 pemimpin lain di Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik akan menulis kenyataan dan menurunkan tandatangan masing-masing di atas sekeping kertas kulit.

Para pemimpin itu boleh menulis sendiri atau kenyataan mereka disediakan oleh penulis kaligrafi. Terjemahan dalam bahasa Inggeris akan diadakan jika kenyataan itu ditulis dalam bahasa lain.

Para pemimpin itu juga mempunyai pilihan untuk menulis nota penjelasan mengenai pentingnya kenyataan mereka.

Kapsul mereka akan disediakan dalam bentuk peti harta karun yang akan ditempatkan di Muzium Negara Filipina di sini untuk disimpan, kata setiausaha rendah Hal Ehwai Luar, Frederico Macaranas.

Kapsul masa itu akan dikunci dan hanya dibuka pada tahun 2010 apabila fasa pertama matlamat perdagangan dan pelaburan terbuka dan bebas Apec tercapai.

Macaranas, yang juga pengerusi mesyuarat pegawai-pegawai kanan Apec di sini berkata peti harta karun itu dipilih kerana ia melambangkan bekas muatan barangan perniagaan tukar-barang di masa Perdagangan Galleon di laluan Manila-Acapulco (Mexico) antara 1600 hingga 1800.

"Ia merupakan lambang yang bersesuaian dengan usaha-usaha Apec bukan sahaja memelihara kepentingan warga masa depan tetapi untuk merenung kembali zaman lepas yang makmur dalam era Perdagangan Galleon yang mungkin dapat dijadikan pendahulu kepada Apec," katanya.

Upacara untuk meletakkan kapsul masa itu akan diadakan di bilik mesyuarat Leaders Hall di Teluk Subic, sempena Filipina menjadi tuan rumah mesyuarat Apec tahun ini.-- BERNAMA

SHY OBA